

MASALAH KEWANGAN DAN TEKANAN DALAM KALANGAN MAHASISWA
(Financial Problems and Stress Among Female University Students)

NORLAILA BINTI ABU BAKAR*, NORAIN BINTI MOD ASRI, IMAN ATHIRA BINTI
 LAILI & SUHAILA BINTI SAAD

ABSTRAK

Ketidaktentuan ekonomi dalam alaf ini menuntut para pelajar universiti untuk mempunyai kemahiran pengurusan kewangan. Golongan pelajar universiti lebih mudah terdedah kepada membuat pengurusan kewangan yang kurang bijak. Pengurusan kewangan yang lemah boleh mencetuskan masalah kewangan dan tekanan kepada pelajar-pelajar universiti. Dalam kajian ini masalah kewangan lebih difokuskan kepada ketidakcukupan jumlah pembiayaan pendidikan untuk menampung keperluan asas semasa di universiti. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap masalah kewangan dalam kalangan pelajar universiti, amalan pengurusan kewangan pelajar dan tekanan yang dihadapi sehingga memberi kesan kepada proses pembelajaran. Kajian ini melibatkan 223 responden dalam kalangan pelajar prasiswazah perempuan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), UKM. Pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik berbentuk soalan tertutup dan skala Likert. Hasil kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) secara deskriptif. Tiga dapatan utama kajian ini adalah pertama, majoriti responden yang mempunyai masalah kewangan yang serius datang dari golongan keluarga atau isirumah berpendapatan rendah iaitu dalam kelompok B40, manakala pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan sederhana M40 mengatakan walaupun mereka menerima pinjaman pendidikan daripada pihak-pihak tertentu seperti PTPTN, namun jumlah pembiayaan tersebut tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas harian. Kedua, majoriti responden bersetuju bahawa mereka berasa kecewa, tertekan dan murung apabila menghadapi masalah kewangan seterusnya menjelaskan proses pembelajaran. Ketiga, masalah kewangan menyebabkan responden terpaksa menghadkan pengambilan makanan utama dalam sehari demi menjimatkan wang. Justeru dicadangkan supaya jumlah pembiayaan pendidikan perlu ditingkatkan seiring dengan peningkatan kos sara hidup.

Kata kunci: mahasiswa, masalah kewangan, skill pengurusan kewangan, tekanan, proses pembelajaran.

ABSTRACT

Economic uncertainty nowadays require all of us particularly university students to have financial management skills. University students are particularly vulnerable to make poor financial decisions. Poor financial decisions will lead to financial problems and stress among students of higher education. Financial problems in this study is more focused on “financial constraint” that is not enough education funding to support academic needs. This study aims to examine the extent of financial problems faced by the students, students financial management practice and the level of stress and it effects on learning process. This study involved 223 respondents consisting of female undergraduate students from the Faculty of Economics and Management (FEP), UKM. The data was collected through distribution of questionnaires in the form of closed question and Likert scale. The results of this study were analysed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) using descriptive analysis method. Three major findings of this study; firstly, majority of the respondents that experienced severe financial difficulties came from the household of low income group that is B40, meanwhile students from the M40 income group said that although they received education loan from certain bodies such as PTPTN, it is still not enough to meet their daily basic needs. Secondly, most of the respondents agreed that they feel disappointed, stressed and depressed due to financial constraints hence effect their learning process. Thirdly, most of the respondents who faced financial difficulties choosed to skip their main meals in a day in order to save money. Therefore, it is highly recommended that the amount of education funding be increased accordingly with the increased cost of living.

Keywords: Female university students, financial problems, financial management skills, stress, learning process.

PENGENALAN

Dewasa ini, rata-rata masyarakat mengeluh dengan peningkatan kos sara hidup tidak kira di bandar maupun luar bandar. Hatta mahasiswa yang belajar di kolej dan universiti juga merasai bahang dan kesan kenaikan kos sara hidup dalam kawasan kampus sendiri. Walaupun mahasiswa tidak sebeban isirumah lain yang sudah berkeluarga serta mempunyai komitmen untuk membayar ansuran hutang bulanan, tetapi perlu diingatkan bahawa status sebagai pelajar menuntut agar mereka sentiasa komited dengan pembelajaran agar mencapai keputusan akademik seperti yang bukan sahaja mereka kehendaki, tetapi juga dikehendaki oleh penaja dan keluarga. Apa jua masalah yang datang tidak boleh dianggap sebagai penghalang jika mereka ingin berjaya dalam akademik. Namun, apabila golongan pelajar ini berhadapan dengan masalah ketakcukupan kewangan dalam situasi kos hidup yang tinggi, maka di sini muncullah isu sama ada pelajar tersebut mampu menangani tekanan dalam menguruskan kehidupan sehari-hari.

Kajian ini akan mengupas isu berkaitan hubungan antara status kewangan dan tahap tekanan pelajar di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan penumpuan sampel diberikan kepada pelajar wanita memandangkan bilangan pelajar wanita jauh lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Seperkara yang menarik tentang wanita era ini menurut Pengurus Besar Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Nor Fazleen Zakaria adalah secara umumnya mereka tidak mempunyai masalah dalam menguruskan kewangan walaupun tren perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit oleh wanita dilihat telah meningkat sebanyak 129% semenjak tahun 2011 (Utusan Malaysia, 2017). Dalam masa yang sama, tahap keberhutangan dan kecekapan pengurusan hutang di kalangan wanita perlu sentiasa diperbaiki disebabkan menurut Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1996, nisbah golongan wanita yang mengalami tekanan adalah 1.5 kali ganda lebih tinggi berbanding lelaki (Utusan Malaysia, 2011). Lantas, dapatan kajian ini penting kepada pembuat dasar memandangkan kajian ini secara langsung turut mengungkai persoalan sama ada golongan wanita yang berstatus pelajar juga benar-benar bijak mengatur dan menguruskan kewangan atau sebaliknya.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Dalam dunia yang semakin moden ini, kita tidak lari dari

pelbagai cabaran hidup yang semakin kompleks. Lantas, wujud persoalan sama ada golongan pelajar mampu berhadapan dengan konflik kewangan, iaitu konflik dari segi peruntukan pendapatan dan perbelanjaan di sepanjang tempoh pengajian mereka berikut daripada kemerosotan ekonomi yang berlaku. Hal ini semakin kritikal apabila pelajar seringkali merasakan keperluan mereka semakin meningkat walaupun pada masa itu, elauh, biasiswa ataupun pinjaman tidak bertambah setiap tahun yang mendorong kepada berlakunya peningkatan dalam perbelanjaan mereka (Hallman & Rosenbloom, 1993). Natijahnya, terdapat segelintir pelajar yang menghadapi masalah kekurangan wang sehingga terpaksa berjimat cermat dalam pengambilan makanan yang sihat. Sebenarnya, konflik kewangan tersebut timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti antara barang keperluan atau kehendak di kalangan pelajar berikutan kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka (Amy Dacyczyn, 2011). Akibat daripada sumber kewangan yang tidak mencukupi juga telah membuatkan ramai pelajar mengambil langkah untuk membuat kerja sambilan seperti berniaga ataupun bekerja di kedai makan. Walaupun kerja sambilan membantu pelajar untuk mendapatkan wang saku lebih, tetapi pelajar akan berhadapan dengan risiko tidak dapat memberi tumpuan dalam pembelajaran kerana letih bekerja serta tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan di sekolah ataupun universiti.

Selain itu, pengurusan kewangan yang tidak baik turut menyebabkan pelajar mengalami tekanan mental dan fizikal (Misra & Mckean, 2000) sehingga mereka kurang tidur, sakit, murung, resah dan sering menyendiri (Redhwan, A.A.N et al. 2009; Wright, 1967). Jika ditinjau terhadap perbezaan tekanan antara lelaki dengan wanita pula, V. Sumathi dan K. Gunasundari (2016) membuktikan bahawa wanita adalah golongan yang mudah mengalami tahap tekanan yang tinggi berbanding lelaki.

Jika diperhalusi kepada faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar, taraf sosioekonomi menjadi faktor yang penting kerana ia melibatkan pengurusan kewangan yang mana ia akan mendorong pelajar sama ada bersemangat atau tidak bersemangat untuk menimba ilmu (Mohd Zainal, M.I. 2004). Justeru, sumber kewangan yang terbatas pasti akan mewujudkan rasa rendah diri dalam diri seseorang pelajar, dan membuatkan personaliti pelajar terjejas. Mereka boleh menjadi pendiam dan tidak bersosial bersama rakan-rakan. Perkara ini juga akan membawa kepada penurunan prestasi dalam akademik kerana kurangnya interaksi dalam menimba ilmu pengetahuan.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis masalah kewangan dalam kalangan pelajar wanita, tahap pengetahuan amalan pengurusan kewangan, tekanan atau stress yang timbul berikutan masalah kewangan serta kesannya terhadap proses pembelajaran. Kajian ini memberi fokus kepada golongan pelajar di universiti kerana pelajar juga merupakan sebahagian daripada kelompok besar pengguna di Malaysia. Selain daripada itu mereka merupakan golongan pelapis generasi pengguna akan datang, sebarang permasalahan yang dihadapi sewaktu pengajian perlu dikenalpasti dan diatasi sebelum menjadi lebih serius selepas golongan ini menamatkan pengajian, contohnya tanpa amalan pengurusan kewangan yang baik, golongan ini cenderung untuk menjadi pengguna yang berbelanja melebihi pendapatan. Disamping itu sejak kebelakangan ini didapati isu pelajar universiti menghadapi masalah ketidakcukupan sumber kewangan sehingga terpaksa berlapar, hanya makan sehari sekali sahaja atau terpaksa mengambil makanan yang tidak berkhasiat seperti "mee segera" khususnya di IPTA amat membimbangkan seperti yang dilaporkan oleh Malaymail Online pada 9 Januari 2016. Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar wanita memandangkan pelajar wanita merupakan golongan majoriti di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu lebih 70% daripada jumlah pelajar keseluruhan.

Tiga ratus borang soal-selidik telah diedarkan secara rawak kepada pelajar wanita di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebanyak 223 borang soal-selidik telah disi dan dikembalikan kepada penyelidik. Data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 23.

Borang soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada 5 bahagian yang mengandungi *closed-ended questions* serta perlu diisi sendiri oleh responden (*self-administered*). Secara spesifik, bahagian pertama mengandungi soalan-soalan berkaitan latar belakang atau sosio-demografi responden seperti jantina, bangsa, umur, pendapatan ibubapa dan sumber kewangan. Bahagian kedua pula terdiri daripada soalan berkaitan sama ada wujud masalah kewangan atau tidak dalam kalangan responden. Bahagian ketiga melibatkan soalan berkaitan tahap pengetahuan tentang amalan pengurusan kewangan yang baik. Bahagian keempat melibatkan soalan-soalan berkaitan stres yang dihadapi dan bahagian kelima menumpukan kepada persoalan kesan masalah kewangan dan stress terhadap proses pembelajaran. Kebolehpercayaan konstruk instrumen yang dibina dalam kajian ini telah duji dengan melakukan

analisis Cronbach's alpha. Keputusan analisis menunjukkan bagi item-item dalam bahagian ketiga iaitu tahap pengetahuan tentang amalan pengurusan kewangan yang baik, pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach ialah 0.67. Seterusnya bagi item-item dalam bahagian keempat, pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach ialah 0.68 dan bahagian kelima, pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach ialah 0.90.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini bertujuan melihat secara keseluruhan profil responden. Jadual 1 memaparkan analisis frekuensi (kekerapan) dan peratusan bagi responden iaitu seramai 223 pelajar wanita di FEP. Daripada 223 orang responden, majoriti responden adalah berbangsa Melayu (90.6%), merupakan pelajar tahun satu (39.5%) dan pelajar program ekonomi (39.5%), berumur 19 hingga 21 tahun (58.3%), memperolehi PNGK sekitar 3.00 hingga 3.49 (65.5%) dan mempunyai ibubapa dengan pendapatan dalam kelompok B40 (61.9%) atau golongan berpendapatan rendah iaitu kurang daripada RM3860 sebulan. Manakala dari segi sumber pembiayaan pula, 41.7% daripada responden mendapat pinjaman daripada PTPTN.

Masalah Kewangan

Bahagian ini akan membincangkan kekerapan dan peratusan responden yang menghadapi masalah kewangan mengikut kategori program pengajian, sumber pembiayaan, dan pendapatan ibu-bapa/ isirumah. Daripada keseluruhan 223 responden wanita yang dikaji, 91 orang responden iaitu 40.8% didapati menghadapi masalah kewangan. Menghadapi masalah kewangan dalam kajian ini merujuk kepada responden yang tidak mempunyai sumber pembiayaan yang mencukupi untuk menampung keperluan pengajian dalam satu semester.

Berdasarkan program pengajian yang diikuti responden, 54.5% responden dari program pengajian keusahawanan menghadapi masalah kewangan, diikuti dengan 53.4% dari program pengajian ekonomi, 37.9% dari program pengurusan perniagaan dan 22.4% dari program pengajian perakaunan. Dapatkan ini agak membimbangkan kerana responden adalah dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan telah diberi pendedahan secara formal berkaitan pengurusan kewangan. Adakah responden tidak mempunyai amalan pengurusan kewangan yang baik atau sumber pembiayaan tidak mencukupi berikutan kos pengajian dan sara hidup yang semakin meningkat?

JADUAL 1. Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden		Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Bangsa	Melayu	202	90.6
	Cina	16	7.2
	India	4	1.8
	Lain-lain	1	0.4
Tahun pengajian	1	88	39.5
	2	70	31.4
	3	54	24.3
	4	11	4.9
Program pengajian	Ekonomi	88	39.5
	Perniagaan	66	29.6
	Keusahawanan	11	4.9
	Perakaunan	58	26.0
Umur	19-21	130	58.3
	>22	93	41.7
PNGK	3.67-4.00	22	9.9
	3.50-3.66	32	14.3
	3.00-3.49	146	65.5
	<2.99	23	10.3
Pendapatan isi rumah/ibu-bapa	B40	138	61.9
	M40	70	31.4
	T20	15	6.7
Sumber pembiayaan	JPA	64	28.7
	PTPTN	93	41.7
	Ibu-bapa	49	22
	Lain-lain	17	7.6

Sumber: Kaji selidik 2017-2018

Jadual 2 menunjukkan responden yang menghadapi masalah kewangan berdasarkan sumber pembiayaan. Hasil analisis ujian Khi-Kuasa Dua menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras keertian 5 peratus antara status masalah kewangan dengan sumber pembiayaan pengajian, $\chi^2 (3, N= 223) = 10.483, p = .015$. Dapatkan menunjukkan responden yang paling ramai menghadapi masalah kewangan adalah terdiri daripada penerima pinjaman PTPTN iaitu

seramai 48 orang daripada 223 orang atau 21.52%. Ini kerana jumlah pinjaman yang diterima bergantung pada pendapatan ibu bapa. Jika pendapatan ibu bapa adalah dalam kategori M40 dan T20, jumlah pinjaman yang diterima mungkin hanya satu pertiga daripada yang diperlukan untuk menampung keperluan kos pengajian dan kos sara hidup. Ini diikuti dengan 8.07% responden yang dibiayai oleh ibu bapa dan 7.62% responden responden yang dibiayai oleh JPA.

JADUAL 2. Responden Yang Menghadapi Masalah Kewangan Berdasarkan Sumber Pembiayaan

Sumber Pembiayaan	Menghadapi Masalah Kewangan				Jumlah (n)	
	Ya		Tidak			
	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Kekerapan (n)	Peratusan (%)		
JPA	17	7.62	47	21.08	64	
PTPTN	48	21.52	45	20.18	93	
Ibu bapa	18	8.07	31	13.90	49	
Lain-lain	8	3.58	9	4.04	17	

Sumber: Kaji selidik 2017-2018

Jadual 3 menunjukkan responden yang menghadapi masalah kewangan berdasarkan kategori pendapatan ibu bapa atau isirumah. Keputusan analisis ujian Khi-Kuasa Dua (*Pearson Chi-square*) untuk sampel pelajar wanita menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada aras keertian 1 peratus antara status masalah kewangan dengan kategori pendapatan ibu bapa (isi rumah) pelajar, $\chi^2 (2, N= 223) = 12.927, p=.002$. Kajian menunjukkan responden yang paling ramai menghadapi masalah kewangan adalah terdiri daripada golongan yang datang dari keluarga berpendapatan isirumah B40 iaitu 30.94% berbanding

M40 (8.52%) dan T20 hanya 1.35%. Ini memberi gambaran bahawa pelajar dari kategori pendapatan ibu bapa golongan B40 perlu diberi perhatian serius oleh pihak universiti. Golongan inilah yang sering menghadapi masalah kewangan yang serius sehingga tidak cukup wang untuk membeli makanan harian. Mereka ini sama ada makan sehari sekali “nasi bujang” atau lebih teruk lagi hanya makan mee segera seperti yang dilaporkan oleh Malaymail Online pada 9 Januari 2016. Keadaan ini sudah tentu akan menjelaskan tahap kesihatan pelajar dan seterusnya prestasi pembelajaran mereka semasa di universiti.

JADUAL 3. Responden Yang Menghadapi Masalah Kewangan Berdasarkan Kategori Pendapatan Ibu bapa/Isirumah

Kategori Pendapatan Ibu bapa/Isirumah	Menghadapi Masalah Kewangan				Jumlah (n)
	Ya Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Tidak Kekerapan (n)	Peratusan (%)	
B40	69	30.94	69	30.94	138
M40	19	8.52	51	22.87	70
T20	3	1.35	12	5.38	49

Sumber: Kaji selidik 2017-2018

Amalan Pengurusan Kewangan

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap pandangan responden berhubung dengan amalan pengurusan kewangan yang baik. Responden telah diminta untuk memberi pandangan terhadap beberapa item yang mewakili amalan pengurusan kewangan yang baik berdasarkan kajian literatur. Setiap item dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan skala Likert 5-mata yang mewakili 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju. Daripada 5 item yang disenaraikan, amalan menyimpan dalam akaun simpanan untuk tujuan kecemasan mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.53. Skor min kedua tertinggi adalah amalan menyimpan resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang dibelanjakan (min = 3.44). Berkait dengan amalan peraturan menyimpan 10% daripada jumlah wang yang ada untuk pelaburan masa hadapan mendapat skor min 3.41. Manakala dua lagi item iaitu cadangan untuk menggunakan 5% daripada simpanan untuk tujuan pelaburan emas, perniagaan serta dan keperluan mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara *offline* atau *online* mendapat skor min yang rendah iaitu 2.56 dan 2.54 masing-

masing. Min keseluruhan pandangan responden terhadap amalan pengurusan yang baik berada pada tahap yang sederhana. Dapatkan ini bersesuaian dengan satus responden yang merupakan pelajar yang mengikuti program pengajian di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan telah diberi pendedahan akademik secara formal berkaitan pengurusan kewangan.

Kajian diteruskan dengan mengenal pasti sama ada responden yang mempunyai tahap pengetahuan tentang amalan pengurusan kewangan yang sederhana ini dapat benar-benar mempraktikkan prinsip yang dipegang khususnya dalam aspek membuat simpanan. Kajian mendapati 53.85% tidak dapat membuat sebarang simpanan semata-mata kerana sumber kewangan mereka yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup di kampus. Selain itu bila ditanya sama ada mereka yang mempunyai masalah kewangan terpaksa melewatkkan pembayaran yuran pengajian, majoriti responden kurang bersetuju. Ini bermakna walau pun responden menghadapi masalah ketidakcukupan sumber pembiayaan, mereka tetap mengutamakan pembayaran yuran pengajian terlebih dahulu sebelum membuat perbelanjaan atas keperluan lain. Oleh itu boleh dirumuskan bahawa masalah utama yang dihadapi responden adalah ketidakcukupan

JADUAL 4. Min bagi pandangan responden terhadap amalan pengurusan kewangan yang Baik

Pernyataan	Min
Anda bersetuju membuat akaun simpanan di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan	3.53
Anda bersetuju dengan amalan menyimpan setiap resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang dibelanjakan	3.44
Anda bersetuju dengan peraturan menyimpan 10% daripada jumlah wang yang ada untuk pelaburan masa hadapan	3.41
Anda akan menggunakan 5% daripada simpanan untuk tujuan pelaburan emas, perniagaan dan sebagainya	2.56
Anda rasa perlu untuk mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara <i>offline</i> atau <i>online</i>	2.54
Keseluruhan	3.10

Sumber : Kajiselidik 2017-2018

sumber pembiayaan untuk menampung keperluan hidup semasa pengajian dan bukannya mereka tidak peka terhadap amalan pengurusan kewangan yang baik.

Tekanan Yang Berkaitan Masalah Kewangan

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap pandangan responden berhubung dengan tekanan yang dihadapi kesan daripada masalah kewangan. Responden telah diminta untuk memberi pandangan terhadap beberapa jenis tekanan yang dialami akibat ketidakcukupan sumber pembiayaan. Setiap item dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan skala Likert 5-mata yang mewakili 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju. Daripada Jadual 5 , item “saya berasa

kecewa apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang” mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.83. Ini bertepatan dengan majoriti daripada responden yang menghadapi masalah kewangan datang dari keluarga berpendapatan B40. Golongan pelajar akan rasa terbeban apabila melihat ahli keluarga hidup dalam serba kekurangan dan akan rasa lebih kecewa apabila tidak dapat membantu apabila mereka memerlukan wang. Skor min yang kedua tertinggi adalah bagi item “rasa tertekan dan murung apabila sumber pembiayaan telah hampir habis dipertengahan semester” diikuti dengan skor min yang ketiga tertinggi iaitu tekanan yang berpunca dari rasa kecewa kerana tidak bijak menguruskan perbelanjaan peribadi. Kesemua kenyataan tersebut dilihat mempunyai nilai min melebihi nilai 3.

JADUAL 5. Min mengenai tekanan dalam kalangan responden yang menghadapi masalah kewangan

Pernyataan	Min
Saya berasa kecewa apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang	3.83
Saya berasa tertekan dan murung apabila sumber pembiayaan telah hampir habis di pertengahan semester	3.46
Saya berasa kecewa kerana tidak bijak menguruskan perbelanjaan peribadi	3.44
Saya berasa tertekan apabila tidak dapat menyertai kawan-kawan untuk melancong kerana kekurangan wang. Saya berasa tertekan apabila ibu bapa meminta bantuan kewangan setelah wang biasiswa/pinjaman diperolehi	2.70
Saya berasa tertekan apabila ibu bapa meminta bantuan kewangan setelah wang biasiswa/pinjaman diperolehi	2.34

Sumber : Kaji selidik 2017-2018

Kesan Tekanan Terhadap Proses Pembelajaran

Responden telah diminta untuk memberi pandangan berhubung kesan tekanan terhadap proses pembelajaran di kampus. Setiap item dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan skala Likert 5-mata yang mewakili 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju. Daripada Jadual 6, hanya item “saya hanya mengambil makanan berat sehari sekali sahaja apabila kekurangan wang” mendapat skor min yang melebihi tiga iaitu 3.32. Ini

bertepatan dengan beberapa laporan dalam media masa yang mengaitkan masalah kewangan yang tidak cukup menyebabkan golongan ini terpaksa berlapar. Item-item lain dalam jadual 6 menunjukkan skor min yang rendah iaitu melebihi 2 namun kurang daripada 3. Ini bermakna walaupun responden menghadapi masalah kewangan dan tekanan yang pelbagai, responden masih dapat menyesuaikan keadaan dengan keperluan pembelajaran mereka contohnya mereka masih dapat hadir ke kelas walaupun merasa tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi

JADUAL 6. Min Kesan Tekanan Terhadap Proses Pembelajaran

Pernyataan	Min
Saya hanya mengambil makanan berat sehari sekali sahaja apabila kekurangan wang	3.32
Saya akan berdiam diri daripada orang sekeliling ketika menghadapi masalah kewangan	2.64
Saya tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah dalam masa yang ditetapkan apabila menghadapi masalah kewangan	2.47
Saya tidak dapat menjawab peperiksaan dengan baik apabila menghadapi masalah kewangan	2.19
Saya tidak dapat hadir ke kelas kerana berasa tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi	2.10

Sumber : Kajiselidik 2017-2018

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa dapatan kajian yang diperolehi. Pertama, dalam kalangan responden yang mempunyai masalah kewangan, majoriti responden adalah dari golongan keluarga atau isirumah berpendapatan rendah iaitu dalam kelompok B40. Berdasarkan sumber pembiayaan pula, majoriti merupakan peminjam PTPTN. Kedua, kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka berasa kecewa, tertekan dan murung apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang, menghadapi masalah kewangan serta tidak bijak menguruskan perbelanjaan peribadi. Ketiga, masalah kewangan menyebabkan responden terpaksa menghadkan pengambilan makanan berat dalam sehari.

Oleh itu, bagi mengurangkan jumlah pelajar yang menghadapi masalah kewangan, maka, pihak kerajaan dan bukan kerajaan harus memperkasakan lagi tawaran pembiayaan pendidikan terutama sekali terhadap pelajar yang berasal dari keluarga dengan pendapatan rendah B40. Jumlah pembiayaan pengajian perlu ditingkatkan selari dengan peningkatan kos sara hidup kerana masalah utama adalah sumber

pembiayaan tidak cukup untuk menampung keperluan pengajian dalam satu-satu semester. Di samping itu, galakan terhadap ibubapa dari golongan M40 dan T20 untuk menabung dan membeli insurans bagi tujuan pendidikan anak-anak seawal anak tersebut lahir ke dunia perlu dipergiatkan lagi oleh semua pihak. Akhir sekali adalah amat wajar jika kursus pengurusan kewangan dimasuk dan diwajibkan ke dalam kurikulum semua peringkat pendidikan agar anak-anak zaman millennium ini memahami cabaran pengurusan kewangan yang sebenarnya.

RUJUKAN

- Amy Dacyczyn (2001). *The Complete Tightwad Gazette*. Random House, Inc.
 Hallman, G. V. dan Rosenbloom, J. S. (1993). *Personal Financial Planning*. United State of America: McGraw-Hill Inc.
 Misra, R., & McKean, M. (2000). College Students' academic stress and its relation to their anxiety, time management, and leisure satisfaction. *American Journal of Health Studies*, 16, 41-51.
 Mohd Zainal, M.I. (2004). Hubungan di antara status sosio ekonomi keluarga dengan pencapaian

- akademik: Satu kajian ke atas pelajar aliran teknikal di Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan. Universiti Tun Hussein Onn. *Thesis Sarjana, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.*
- Redhwan, A.A.N et al. (2009). Stress and coping strategies among Management and Science University students: A qualitative study. *International Medical Journal*. 8(2), 11–15.
- V. Sumathi dan K. Gunasundari (2016). Problem faced by the women entrepreneurs in India. *International Journal of Management Research and Reviews*, 6(3), 348-354.
- Utusan Malaysia. (2017). “*Wanita Banyak Berbelanja, Namun Berhemat- AKPK*”. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Utusan Malaysia (2011). “*Puncu Wanita Hadapi Tekanan Jiwa- Terpaksa Pikul Pelbagai Beban Masalah Keluarga dan Rumah Tangga*”. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Publication.
- Wright, J. J. (1967). Reported personal stress sources and adjustment of entering freshmen. *Journal of Counseling Psychology*, 14(4), 371-373.

Norlaila Binti Abu Bakar*, Norain Binti Mod Asri, Iman Athira Binti Laili & Suhaila Binti Saad
 Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: norlaila@ukm.edu.my

Diserahkan semula pada 2 Disember 2019